

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN BUKU "DIPLOMASI PROFESSIONAL DAN PENGURUSAN HAL-EHWAL LUAR NEGERI: PENGALAMAN MALAYSIA"
Lokasi : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 16-10-1995

1. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih oleh kerana diberi penghormatan untuk melancarkan buku berjudul: "Diplomasi Professional dan Pengurusan hal Ehwai Luar Negeri: Pengalaman Malaysia" tulisan Y.Bhg. Dato' Dr. K. Kumarasari. Saya mengucapkan tahniah kepada beliau di atas kejayaannya menulis buku ini. Saya amatlah berbangga oleh kerana Y.Bhg. Dato' Dr. Kumarasari menerusi buku ini telah menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan kita menerusi perkongsian pengalaman profesionalisme dan kemahiran kerjanya. Usaha beliau ini adalah satu sumbangan yang sangat bermakna bagi menambah khazanah buku-buku bermutu dalam pasaran Malaysia dan antarabangsa amnya.

2. Saya berharap bahawa dengan kejayaan beliau menulis buku ini akan memberi inspirasi kepada orang lain untuk turut membukukan pengalaman kerja dan pengetahuan profesional mereka masing-masing. INTAN, Arkib Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka semuanya bersedia membantu pegawai-pegawai yang berhasrat demikian.

3. Berbagai perkara boleh dilakukan oleh seseorang pegawai bagi membaiki diri sendiri dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan. Pada pandangan saya asas yang utama yang perlu ada ialah minat untuk membaca dan menambah pengetahuan mengenai kerjanya di samping perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawabnya. Melalui pembacaan, seseorang pegawai itu akan lebih berupaya untuk mengembangkan pemikirannya ke tahap yang lebih tinggi dan menambah ilmu pada tahap terkini agar pengetahuan kita setanding dengan orang lain.

4. Saya adalah menggalakkan pegawai-pegawai kanan menulis dan merakamkan pengalaman, kemahiran dan pengetahuan mereka, samada untuk jabatan mereka atau untuk orang ramai. Walaupun terdapat larangan seperti di peratuan 18 Peraturan-peraturan Pegawai- pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, iaitu melarang pegawai menerbit atau menulis apa-apa buku makalah atau karya lain yang berasaskan maklumat terperinci, namun mereka boleh menulis atau menerbit buku-buku yang berkaitan dengan Jabatan, profession atau lain-lain setelah diluluskan oleh Ketua Jabatan ataupun Lembaga Tatatertib berkenaan.

5. Y.Bhg. Dato' Dr. Kumarasari telah menulis buku yang mempunyai hampir 500 muka surat. Fokus utamanya ialah kepada diplomasi dan hubungan luar Malaysia dan menyentuh bidang latihan profesional di dalam Hubungan Antarabangsa. Buku ini boleh menjadi panduan latihan yang sesuai untuk bidang diplomasi dan hal ehwal luar. Rakyat Malaysia sepatutnya mempunyai kefahaman yang baik mengenai diplomasi dan hubungan luar negara ini. Begitu juga masih didapati bahawa ada pegawai-pegawai awam di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang kurang pengetahuan dalam bidang ini. Maka di sinilah letaknya nilai buku ini, iaitu memenuhi jurang pengetahuan umum mengenai perhubungan luar negara kita.

6. Wawasan 2020 akan mewujudkan satu peranan yang lebih dinamik lagi bagi Malaysia di arena antarabangsa. Negara kita akan terus meningkatkan spektrum interaksi antarabangsa dan hubungan luar.

Kita perlu melatih dan menyediakan satu kumpulan pegawai-pegawai awam yang mempunyai keterampilan untuk mengelolakan hubungan luar negara di tahun- tahun yang akan datang, iaitu antara lain untuk memupuk kerjasama Selatan-selatan, penyusunan semula struktur Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pengurusan alam sekitar sedunia, dan Pakatan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

7. Saya mengakui buku-buku seperti ini, dan Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar boleh memberi pengajaran mengenai the art of diplomacy. Dalam pada itu, pengalaman juga boleh memberi pengajaran daripada berbagai sudut yang lain. Saya pernah membaca mengenai dimensi seorang diplomat: If a

diplomat says yes, he means perhaps; when he says perhaps he means no; and when he says no, he is no diplomat. Seseorang itu boleh mencapai taraf seorang diplomat yang cemerlang only through long years of experience. It is not true that experience is a form of knowledge acquired by doing and being done? Diplomacy is a career that absorbs more of life than most jobs. There is no regular office time. It spills into meal hours and evenings of unpaid overtime. It can inflate the waistline, attending diplomatic receptions. But for the diplomat such parties provide a chance for an informal and relaxed discussions with someone of value. Despite its lingering reputation for formal stuffiness, diplomacy thrives best on informal nuance and relaxed subtlety. Kita semua hendak mengetahui pengalaman dan cerita-cerita belakang tadbir yang menarik daripada para diplomat kita. Oleh hal yang demikian, untuk menambah khazanah pengetahuan kita mengenai the statecraft of diplomacy, saya berharap bukan sahaja ramai lagi pegawai-pegawai kita yang sedang berkhidmat akan menulis buku seperti buku Dato' Dr. Kumaraseri ini, tetapi oleh bekas-bekas diplomat kita yang telah berkhidmat lama di dalam bidang perlembagaan antarabangsa.

8. Dengan ini, saya sukacita melancarkan buku: "Diplomasi Professional dan Pengurusan Hal Ehwal Luar Negeri Negeri: Pengalaman Malaysia".